

PENGAJARAN DARIPADA PERISTIWA AL-IFK: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA AL-TAFSIR AL-MUNIR DAN FI ZILAL AL- QUR'AN

WAN RAMIZAH BINTI HASAN
DR. MOHD FARID RAVI BIN ABDULLAH
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
wanramizah@kuis.edu.my
faridravi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Fitnah adalah suatu jenayah yang bertujuan untuk merosakkan reputasi atau menjatuhkan kredibiliti seseorang. Jenayah yang sedang membara dalam masyarakat Melayu pada ketika ini bukanlah suatu gejala baru. Ia pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan diceritakan dalam surah al-Nur ayat 11-19 dan dihuraikan oleh ulama-ulama dalam kitab-kitab tafsir mereka. Antara kitab yang menjadi rujukan umat Islam dewasa ini adalah Fi Zilal al-Qur'an dan al-Tafsir al-Munir. Justeru, penulisan ini dilakukan bertujuan mengkaji apakah perbezaan dan persamaan yang wujud antara kedua buah kitab ini iaitu Fi Zilal al-Qur'an yang berbentuk adabi, ijtimai dan haraki dan al-Tafsir al-Munir yang berbentuk adabi, ijtimai dan fiqhi. Metode yang digunakan dalam penulisan ini ialah analisis kandungan terhadap kitab-kitab tafsir dan hadis serta kajian-kajian ilmiah seperti tesis, jurnal-jurnal dan kertas-kertas penyelidikan. Kajian mendapati bahawa wujud banyak perbezaan antara keduanya dan sedikit sahaja persamaannya. Namun, jika digabungkan, iaanya akan menjadi kesimpulan dan pengajaran yang mantap dan mengubati penyakit-penyakit atau masalah-masalah dalam masyarakat. Penulisan ini penting kerana ia mengupas tentang bagaimana al-Quran menangani suasana fitnah yang melanda isteri Rasulullah SAW Aisyah r.a. Justeru, dengan memahami pengajaran daripada peristiwa al-Ifk, diharapkan usaha menekan masalah dalam masyarakat dapat ditangani oleh semua pihak.

Kata kunci: *fitnah, al-Ifk, surah al-Nur, Fi Zilal al-Qur'an, al-Tafsir al-Munir*

1.0. Pendahuluan

Masyarakat Melayu dikenali sebagai sebuah masyarakat yang penuh dengan adat sopan, berbudi bahasa, saling hormat-menghormati, dan kuat ikatan persaudaraannya. Hal ini telah digambarkan dengan pelbagai ungkapan, pepatah, perumpamaan, pantun dan syair Melayu yang menyiratkan norma sopan-santun dan tata pergaulan orang Melayu.

Apabila adat kesopanan, kesantunan dan ikatan persaudaraan masyarakat Melayu ini mulai longgar, maka identiti mereka pun turut berubah. Kalau dahulu segala unsur negatif dapat diketepikan dengan mudah dan setiap anggota masyarakat saling mempertahankan maruah antara satu sama lain, namun sekarang amat sukar untuk berbuat demikian. Pelbagai amalan negatif semakin menular dan merebak dalam masyarakat Melayu, terutamanya jenayah fitnah.

Hal ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Akan muncul suatu zaman yang ilmu Islam dihapuskan, muncul berbagai-bagai fitnah, berleluasanya sifat kedekut, dan banyak berlaku jenayah.*” (HR Muslim).

Fitnah merupakan suatu perbuatan sengaja mengadakan keburukan dan kekurangan orang lain, menokok tambah keaiban dan kelemahan orang dan memalsukan kebaikannya sehingga mengundang persepsi buruk masyarakat terhadapnya.

Antara peristiwa yang berdepan secara langsung dengan masyarakat yang mengelilingi Rasulullah s.a.w. dalam tempoh yang agak panjang adalah peristiwa *al-Ifk* iaitu satu peristiwa yang cukup besar dan menyediakan yang telah menimpa Nabi s.a.w. yang membabitkan rumah tangga baginda yang merupakan satu perancangan jahat golongan munafiq. Apabila puak munafiq sudah tidak mempunyai jalan untuk memusnahkan dakwah dan Islam yang dibawa Nabi s.a.w melalui cara memerangi atau lainnya, lalu mereka menukar strategi mereka dengan memfitnah Nabi s.a.w. (Sayyid Qutb 2010)

Fenomena yang mirip peristiwa *al-Ifk* sentiasa berlaku pada zaman sekarang. Apatah lagi zaman ini merupakan era ujian dan fitnah yang menggugat keimanan serta ketenteraman hidup. Manusia keliru dalam membuat pendirian dan sukar untuk berpegang teguh atas prinsip yang benar disebabkan cabaran, ujian serta tekanan yang wujud. (Utusan online 2 Mac 2017)

Walau bagaimanapun, peristiwa ini dapat ditangani dengan baik oleh mereka yang terlibat apabila Allah s.w.t. telah menurunkan wahyu-Nya kepada Nabi Muhammad SAW melalui ayat-ayat peristiwa *al-Ifk* dalam surah al-Nur. Huraian dan tafsiran terhadap ayat-ayat yang berkaitan dengan peristiwa al-ifk ini terkandung dalam surah al-Nur ayat 10 sehingga ayat 26. Walau bagaimanapun tafsiran terhadap ayat-ayat tersebut dan pengajarannya mempunyai persamaan dan juga perbezaan.

Justeru, penulisan ini dilakukan bertujuan mengkaji apakah perbezaan dan persamaan yang wujud antara dua buah kitab iaitu *Fi Zilal al-Qur'an* yang berbentuk *adabi*, *ijtima'i* dan *haraki* dan *al-Tafsir al-Munir* yang berbentuk *adabi*, *ijtimai* dan *fiqhi*. Kajian atau penyelidikan ini adalah berbentuk perpustakaan atau arm chair research. Ia berasaskan kepada kaedah maktabi (perpustakaan) dimana pencarian maklumat dan data lebih tertumpu kepada bahan-bahan bercetak terutamanya kitab-kitab dan teks klasik.

Dalam pengkategorian yang lebih spesifik, kajian ini juga dapat dikelaskan sebagai *content analysis*. Analisis kandungan adalah salah satu kajian analisis terhadap istilah-istilah, teks-teks, frasa-frasa, konsep-konsep dan seumpamanya yang terkandung dalam bahan-bahan bercetak seperti buku, kitab, jurnal, akhbar, laporan bertulis dan seumpamanya dan ataupun bahan elektronik seperti rancangan televisyen, radio, cakera padat dan seumpamanya. (Ole R. Holsti (1969), Robert Philip Weber (1990)

2.0 Ringkasan Peristiwa *Al-Ifk*

Ayat-ayat yang berkaitan dengan peristiwa *al-Ifk* adalah ayat 10 hingga ayat 26 dalam surah al-Nur.

Manakala hadis yang berkaitan dengan peristiwa *al-Ifk* ini telah diceritakan sendiri oleh Saidatina Aisyah r.a. dan diriwayatkan oleh beberapa orang perawi seperti Imam al-Bukhari, Muslim dan Ahmad.

Peristiwa *al-Ifk* adalah satu peristiwa yang cukup besar dan menyediakan yang telah menimpa Nabi SAW yang membabitkan rumah tangga baginda yang merupakan satu perancangan jahat golongan munafiq. Apabila puak munafiq sudah tidak mempunyai jalan untuk memusnahkan dakwah dan Islam yang dibawa Nabi melalui cara memerangi atau lainnya, lalu mereka menukar strategi mereka dengan memfitnah Nabi SAW (Ibnu Kathir 2000)

Peristiwa ini berlaku setelah Islam mendapat kemenangan yang besar (dengan pertolongan Allah SWT) dalam peperangan Badar pada tahun 2H dan pukulan yang sengit juga menimpa mereka dengan tewasnya tentera Ahzab (Khandak) pada tahun 5H. Walaupun tentera mereka begitu ramai dan disertai oleh golongan Yahudi, Quraisy, Arab Badwi dan lain-lain, sehingga dengan kemenangan ini, Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud:

“Sekarang kita akan keluar menyerang mereka, sebaliknya mereka tidak akan datang lagi untuk menyerang kita (Madinah)”. [Sahih Al-Bukhari No. 4110].

Golongan munafiq memainkan peranan untuk memecah-belahkan perpaduan umat Islam. Mereka cuba mengadakan huru hara dalam masyarakat yang aman damai dengan pelbagai helah dan tipu muslihat. Ini agar umat Islam sentiasa berada dalam keadaan gelisah dan keluh kesah sehingga mereka tidak dapat menumpukan sepenuh usaha dan perhatian kepada islah mujtama’, membaik pulih kerosakan yang berlaku dalam masyarakat dan menyebarkan dakwah Islamiah. (Ibnu Kathir 2000)

Kejadian yang amat memedihkan ini berlaku sekembalinya Rasulullah SAW dari serangan yang dilakukan terhadap bani al-Mustaliq (المصطلق). Pada bulan Sya’ban tahun 6H, bani al-Mustaliq telah mengadakan satu komplot untuk menyerang Rasulullah SAW Setelah berita ini sampai kepada Rasulullah SAW, Baginda keluar bersama tentera Islam. Turut keluar bersama tentera muslimin ini ramai golongan munafiq, ini kerana mereka tahu Islam akan mendapat kemenangan. Mereka keluar bukan untuk berperang, tetapi untuk mendapat habuan perang (ghanimah). Tentera Islam dan bani al-Mustaliq bertemu di suatu tempat bernama al-Muraisi’ (المربيسج), di mana tentera Islam telah mengalahkan mereka dengan mudah. Dalam perjalanan pulang, golongan munafiq yang diketuai oleh Abdullah bin Ubay bin Salul, telah cuba mengapi-apikan kabilah Ansar dan Muhaqirin, untuk melagakan dua golongan Islam ini, tetapi api fitnah ini dapat dipadamkan oleh Rasulullah SAW

Dalam kebanyakan riwayat-riwayat yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir menceritakan bahawa telah menjadi kebiasaan Rasulullah SAW, apabila keluar bermusafir Baginda akan mengadakan undian di antara para isterinya, siapakah yang akan mengiringi Baginda dalam musafir itu. Demikianlah sunnah Rasulullah SAW mengajar umatnya supaya berlaku adil terhadap semua isteri. Dalam peperangan ini, yang terpilih adalah Ummul Mukminin Aisyah r.a, seorang yang masih muda dan berbadan kecil. Setelah tiba di suatu tempat berhampiran Madinah, Rasulullah SAW bersama para sahabatnya telah berhenti rehat. Ketika ini, Siti Aisyah telah keluar untuk menunaikan hajat di suatu tempat yang terselindung daripada pandangan tentera Islam. Setelah selesai, beliau kembali ke tempat sekedup untanya dan mendapati rantai lehernya telah terjatuh tanpa disedari. Maka beliau terus kembali ke tempat tadi untuk mencarinya. Pada waktu yang sama, tentera Islam telah diperintahkan supaya meneruskan perjalanan ke Madinah. Pemandu unta Aisyah menyangka beliau telah berada di atas sekedupnya dan terus menariknya serta meneruskan perjalanan. Setelah Aisyah kembali ke tapak perkhemahan, beliau mendapati rombongan tentera telah berangkat tanpanya. Maka beliau terus berkelubung dengan hijabnya dan duduk menunggu di tempat untanya tadi, mudah-mudahan akan datang orang mencarinya selepas ini. Dalam keadaan cemas itu beliau menangis sehingga tertidur.

Kemudian datanglah Safwan bin al-Mu‘attal al-Sulami yang berada di bahagian belakang rombongan, yang tugasnya memang mencari dan melihat apa-apa yang tercincir atau tertinggal. Setelah melihat seorang perempuan di tepi jalan, beliau begitu terkejut dan terus beristirja’ (استرچع), iaitu menyebut kalimah “Inna Lillahi Wainna Ilaihi Raji‘uun” [إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ] dan lebih-lebih lagi apabila beliau mengenali Siti Aisyah sebelum turunnya ayat Hijab.

Tanpa berkata sepatah pun, Safwan merendahkan untanya untuk dinaiki Aisyah r.a. dan lalu berjalan membuntuti unta tersebut. Aisyah r.a. berkata: “*Kami tidak bercakap walau sepatahpun kecuali istirja’ Safwan.*” Akhirnya mereka tiba ke tempat rombongan tentera Islam tadi.

Apabila melihat Aisyah tiba bersama Safwan, maka golongan munafiqin yang diketuai oleh Abdullah bin Ubay melihat ini sebagai satu peluang keemasan untuk menabur fitnah jahat mereka. Mulalah mereka membuat cerita kononnya Aisyah telah berlaku curang dengan Safwan. Malangnya tuduhan jahat ini juga telah termakan oleh sesetengah orang Islam sendiri sehingga ada yang menjadi ‘pembawa mulut’, menyebar fitnah ini. Sebahagian yang lain pula mengambil sikap berkecuali dan mendiamkan diri sahaja. Setelah tiba di Madinah, telah tersebar ‘Hadis Ifki’ (tuduhan jahat) ini.

Rasulullah SAW sendiri diam tidak bercakap, menantikan wahu. Baginda juga telah bertanya pendapat beberapa orang sahabat, ada yang mengatakan ceraikan sahaja Aisyah dan ada pula yang membelanya. Wahyu pula tidak turun kepada Rasulullah SAW hampir sebulan.

Ini adalah untuk menguji keimanan kaumnya dan untuk menzahirkan golongan munafiqin. Setelah Aisyah r.a mendengar berita tersebut, beliau menangis sehingga kekeringan air matanya, tidak dapat mengeluarkan air mata lagi dan tidak dapat tidur keduanya. Kata Aisyah: “Aku menyangka tangisanku akan memusnahkan kehidupanku.” Hampir sebulan berada dalam keadaan demikian, pada suatu hari, datanglah Rasulullah SAW ke rumah isterinya Aisyah bersama ayah dan ibunya. Baginda SAW bersabda kepada Aisyah yang sedang asyik menangis: Maksudnya:

((*Wahai Aisyah, sekiranya engkau suci daripada tuduhan ini, nescaya Allah akan membebaskan engkau, sekiranya engkau tersasar, maka beristighfarlah, sesungguhnya sekiranya seorang hamba itu bersalah kemudian dia mengakui dan bertaubat, pasti Allah SWT akan menerima.*))

Setelah mendengar sabda Rasulullah SAW tersebut, Aisyah berhenti menangis dan meminta supaya ibu bapanya menjawab bagi pihaknya, tetapi mereka tidak tahu apa yang harus diucapkan. Beliau lalu menjawabnya sendiri dengan berkata:

“Keringlah airmataku kerana aku tahu tentang diriku. Kalau aku berkata aku dipihak yang benar, dan Allah mengetahui perkara yang sebenarnya, tetapi pasti kamu tidak akan mempercayainya. Tetapi sekiranya aku mengakui sesuatu yang Allah tahu aku adalah suci darinya, kamu akan mempercayainya. Maka tiada apa bagi aku dan kamu kecuali apa yang diucapkan oleh bapa nabi Yusuf AS: Maksudnya: {Maka kesabaran yang baik itulah (kesabaranku). Dan Allah sajalah yang dimohon pertolongan-Nya terhadap apa yang kamu ceritakan.} [Yusuf: 18].

Aisyah r.a. kemudiannya berpaling dan berbaring untuk berehat. Pada waktu inilah turunnya ayat yang membebaskan Aisyah r.a dari segala tuduhan, tohahan dan fitnah ke atasnya. Ia juga menjanjikan hukuman terhadap golongan yang menuduhnya. Ini dapat kita baca sehingga ke hari ini di dalam surah An-Nur: Maksudnya:

{Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita bohong itu adalah dari golongan kamu juga. Janganlah kamu kira bahawa berita bohong itu buruk bagi kamu bahkan ia adalah baik bagi kamu. Tiap-tiap seseorang dari mereka mendapat balasan dari dosa yang dikerjakannya. Dan siapa di antara mereka yang mengambil bahagian yang terbesar dalam penyiaran berita bohong itu baginya azab yang besar.} [An-Nur: 11]. (Ibn Kathir 2000)

3.0 Pengenalan Ringkas Kitab *Fi Zilal al-Qur'an* dan al-Tafsir al-Munir

Kitab tafsir *Fi Zilal al-Qur'an* karangan Sayyid Qutb dan kitab al-Tafsir al-Munir yang ditulis oleh ulama semasa yang terkenal iaitu Dr Wahbah al-Zuhaili akan dijadikan subjek kajian. Antara sebab kedua-dua kitab ini menjadi pilihan kajian kerana ianya mempunyai persamaan daripada sudut huraiannya berbentuk *tafsir mawduiy*. (Zulkifli Yusof, 2003) Sayyid Qutb mempunyai kepakaran dalam bidang sastera dan tafsirnya adalah berbentuk *adabi, ijtimai* dan *haraki*. Manakala Dr Wahbah Zuhayli pula seorang yang cenderung kepada fiqh. Tafsirnya adalah berbentuk *adabi, ijtimai* dan *fiqhi*.

3.1 Kitab *Fi Zilal al-Qur'an*

Sayyid Qutb seorang yang mempunyai kepakaran dalam bidang satera. Oleh kerana itu, tulisannya dalam kitab *Fi Zilal al-Qur'an* adalah berbentuk *adabi, ijtimai* dan *haraki*. Tafsir ini juga merupakan sebuah tafsir yang bersandarkan kepada unsur-unsur *naqliyyah* atau riwayat-riwayat yang *ma'thur*. Oleh yang demikian, pengarangnya menjauhi perbahasan-perbahasan ilmu bahasa dan tatabahasa, perbahasan ilmu kalam, ilmu fiqh dan tidak memasukkan cerita-cerita israiliyyat dan menjauhi penemuan-penemuan sains yang asasnya sentiasa berubah-ubah. (Sayyid Qutb, 2000)

3.2 Kitab al-Tafsir al-Munir

Kitab al-Tafsir al-Munir antara kitab yang paling menonjol yang ditulis oleh Dr Wahbah al-Zuhayli, salah seorang ulama kontemporari yang menghasilkan beberapa buah karya di dalam tafsir al-Quran. Namanya sebaris dengan tokoh-tokoh tafsir seperti Tāhir ‘Ashūr, pengarang tafsir *al-Taḥrīr wa Tanwīr*, Sa‘īd Ḥawwā, pengarang *Asās fī al-Tafsīr*, Sayyid Quṭb pengarang *fī Zilāl al-Qur'ān* dan tokoh-tokoh fuqaha seperti Muhammad Abū Zahrah, Maḥmūd Shaltūt, ‘Alī Muḥammad al-Khafīf, ‘Abd Ghānī ‘Abd Khāliq dan Muḥammad Salām Madkūr. (Muhammad Rumaizuddin 2005)

Al-Tafsir al-Munir dianggap di antara karya tafsir yang paling baik pernah dihasilkan pada abad ke-20 kerana mempersempahkan pentafsiran yang mudah, teratur, lengkap dan sesuai dengan realiti manusia zaman moden sehingga karya beliau mendapat tempat yang istimewa dalam kalangan umat Islam.

Mahyuddin dan Ahmad Najib (2015) menegaskan bahawa pengarang iltizam dengan metode pentafsiran yang jelas dan selaras sama ada dari sudut persempahan mahupun dari sudut isi kandungan. Beliau didapati berpegang kuat kepada konsep asas dan disiplin yang perlu ada kepada seseorang pentafsir al-Quran. Sukar untuk mencari ruang yang boleh disifatkan sebagai kekurangan dalam karya ini. Jika tidak kerana harganya yang tinggi, maka ia adalah sebuah karya yang perlu dimiliki oleh setiap pelajar ilmu tafsir al-Quran.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Mukadimah

Dalam bahagian mukadimah, sebelum menafsirkan ayat-ayat yang menceritakan tentang peristiwa al-Ifk, Sayyid Qutb (2010) telah menyenaraikan individu-individu yang terlibat secara langsung iaitu yang menjadi mangsa fitnah. Antara individu utama yang terlibat adalah Saidatina Aisyah r.a sendiri, Rasulullah SAW, Abu Bakar al-Siddiq serta isterinya dan Safwan bin Mu'attal. Sayyid Qutb telah menggambarkan situasi ini dalam ungkapan yang seolah-olah memahami kedudukan, emosi dan perasaan mangsa fitnah.

Sebagai contoh, ketika Sayyid Qutb menghuraikan beberapa situasi yang dialami oleh Aisyah RA, beliau mengatakan bahawa Aisyah RA yang begitu jujur dan suci hati dan fikiran itu telah dituduh dan diragui tentang sesuatu yang paling dibanggakan olehnya, iaitu kehormatan dirinya, sedangkan dia puteri Abu Bakr al-Siddiq yang dibesarkan di dalam rumah-tangga yang suci dan luhur. Dia dituduh tentang kejujurannya, sedangkan dia isteri Muhammad bin Abdullah dari keluarga Bani Hasyim yang tinggi. Dia dituduh tentang kesetiaannya, sedangkan dia isteri yang paling dikasih dan dimanjakan oleh Rasulullah SAW. Dia dituduh tentang keimanannya, sedangkan dia puteri Islam yang terdidik di pangkuan Islam sejak hari pertama kedua matanya melihat hidup dunia ini dan di samping itu dia adalah isteri Rasulullah SAW pula. Dia tidak dapat membuktikan kebersihannya selain dari meletakkan harapannya pada Allah SWT dan selain dari menunggu-nunggu semoga Rasulullah SAW mendapat mimpi dari Allah yang membersihkan dirinya dari tuduhan itu, tetapi malangnya wahyu terputus selama sebulan kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki Allah dan selama itulah dia hidup dalam keseksaan jiwa yang amat teruk.)

Situasi Kedua iaitu ketika mana beliau sahaja yang belum mengetahui cerita bohong ini sedangkan orang di sekeliling telah dan sedang memperkatakannya. (Alangkah terperanjatnya apabila dia mengetahui cerita fitnah itu dari Ummu Mistah, sedangkan di waktu itu dia masih sakit. Akibat berita itu dia terus kembali demam dan berkata kepada ibunya dengan penuh sedih: “Subhanallah! Apakah orang ramai tergamak memperkatakan perkara ini?”) (Dan dalam satu riwayat yang lain dia bertanya: “Apakah ayah juga telah mengetahui perkara ini?” Jawab ibunya: “Ya”. Kemudian dia bertanya lagi: “Apakah Rasulullah SAW juga telah mengetahuinya?” Jawab ibunya: “Ya”.) (Sayyid Qutb, 2010)

Situasi Ketiga iaitu ketika Rasulullah SAW berkata seolah-olah baginda juga mempercayai berita yang tidak benar itu. (Alangkah terperanjatnya ‘Aisyah apabila Rasulullah SAW nabinya yang diimaninya dan suaminya yang amat disayanginya itu bersabda kepadanya: “*Amma ba’du!* Telah sampai kepadaku cerita mengenai dirimu begini, begini. Jika engkau tidak bersalah, maka Allah akan membersihkan dirimu dan jika engkau telah melakukan sesuatu kesalahan, maka pohonlah keampunan kepada Allah Ta’ala dan bertaubatlah kepada-Nya, kerana apabila seseorang hamba itu telah mengakui kesalahannya dan bertaubat, maka Allah Ta’ala menerima taubatnya”, kerana dia sedar bahawa kata-kata itu menunjukkan bahawa baginda SAW juga masih meraguinya, masih belum yakin terhadap kesuciannya, masih belum memutuskan tentang tuduhan orang terhadap dirinya, juga menunjukkan bahawa Allah belum lagi memaklumkan apa yang sebenar kepada beliau dan belum lagi mendedahkan kepada beliau tentang kesucian dirinya, sedangkan dia sendiri tidak berupaya untuk membuktikannya. Kini dia masih menjadi seorang yang tertuduh di dalam hati Rasul yang besar itu, yang amat mengasih dan menyintainya.) (Sayyid Qutb, 2010)

Selain daripada Aisyah RA, Sayyid Qutb telah menggambarkan situasi yang dihadapi oleh Rasulullah SAW sendiri yang merupakan suami kepada tertuduh, situasi Saidina Abu Bakar RA dan isterinya Ummu Rumman yang merupakan ibubapa kepada Aisyah RA serta Safwan bin Mu’attal yang merupakan sahabat yang menyertai Peperangan Badar.

Adapun Dr Wahbah, beliau tidak menghuraikan secara detail nama-nama yang terlibat dan hanya menyebut Aisyah RA dan keluarganya. Firman Allah SWT dalam surah al-Nur ayat 11

Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan dari kalangan kamu*

Dr Wahbah menyatakan orang yang terlibat dalam berita bohong ini direka oleh sebahagian kecil daripada golongan mukmin juga kerana Allah SWT menggunakan perkataan ‘*usbah minkum* dan diketuai oleh Abdullah ibn Ubay (pada pandangan zahir, Abdullah seorang

muslim). Ketika mengulas makna ayat ini beliau telah menyenaraikan nama-nama yang terlibat adalah Abdullah ibn Ubay, Zaid ibn Rifa'ah, Hassan ibn Thabit, Mistah ibn Uthathah, Hamnah bint Jahsy saudara perempuan Zainab bint Jahsy Ummul Mukminin dan Isteri Talhah ibn Ubaidillah serta pembantu-pembantu mereka.

Adapun Sayyid Qutb, beliau menggambarkan bahawa mereka yang terlibat dalam merancang berita bohong dan mengambil kesempatan serta menyebarlakannya secara halus adalah sekumpulan orang munafik dan yahudi dan diketuai oleh Abdullah ibn Ubay. Mereka tidak menzahirkan dengan jelas peranan mereka yang ingin menghancurkan umat Islam. Walau bagaimana pun sebahagian sahabat terpedaya dengan berita bohong dan menyebarlakannya ke dalam masyarakat. Sahabat-sahabat yang terlibat itu adalah Hamnah bint Jahsy, Hassan ibn Thabit dan Mistah ibn Uthathah.

4.2 Munasabat

Sayyid Qutb (2010) sebelum memulakan huraian kepada ayat 11 mengatakan bahawa selepas selesai menerangkan tentang hukum qazaf maka di sini Allah SWT membawa contoh yang benar-benar berlaku iaitu ianya berlaku kepada rumah tangga Rasulullah SAW sendiri, kehormatan Baginda yang merupakan insan yang paling mulia di sisi Allah SWT. Begitu juga yang melanda kehormatan sahabat karib baginda Abu Bakar RA yang paling dikasihi serta kehormatan seorang sahabat yang tidak dikenali melainkan seorang yang baik iaitu Safwan bin Mu'attal. Peristiwa ini menyelubungi masyarakat muslim ketika itu selama sebulan.

Adapun dalam al-Tafsir al-Munir, Dr Wahbah telah meletakkan tajuk yang khusus iaitu *al-Munasabat*. Beliau menjelaskan selepas penerangan tentang hukum qazaf atau menuduh perempuan ajnabi dan hukum menuduh isteri, Allah SWT menjelaskan dalam 10 ayat ini tentang bersihnya Aisyah Ummul Mukminin daripada segala tuduhan yang dilakukan oleh orang-orang munafik. Selain itu diterangkan juga sebahagian daripada adab-adab yang mestilah dilaksanakan serta larangan-larangan yang perlu dijauhi.

4.3 Sabab Nuzul

Dalam bab *sabab al-nuzul*, Dr Wahbah menaqalkan apa yang terdapat dalam kitab Tafsir Ibn Kathir (2010) yang menyatakan bahawa ianya banyak diriwayatkan oleh para imam, antaranya Imam Ahmad, al-Bukhari dan Muslim dan diriwayat sendiri oleh Ummul Mukminin Aisyah RA.

Adapun dalam *Fi Zilal al-Qur'an*, Sayyid Qutb membawa riwayat daripada al-Zuhri daripada Urwah dan lainnya daripada Aisyah RA. Walau bagaimanapun riwayat-riwayat dan isi kandungan yang dibawa oleh mereka berdua adalah sama dari sudut makna, hanya perkataan yang digunakan ada sedikit perbezaan. Nama-nama yang disebut dalam kedua-dua riwayat adalah sama. Cuma dalam al-Tafsir al-Munir pada bahagian terakhir, Dr Wahbah menutupnya dengan menambah bahawa Masruq apabila bercakap tentang Aisyah RA, beliau akan menyebut "Berkata kepadaku al-Siddiqah bint al-Siddiq, kekasih Rasulullah SAW dan orang yang dibersihkan dari langit".

4.4 Pengajaran Daripada Peristiwa Al-Ifk

4.4.1 Meyakini Bahawa Adanya Kebaikan Di Sebalik Sesuatu Peristiwa Yang Berlaku

Firman Allah SWT dalam ayat 11 surah al-Nur:

Maksudnya: *Janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu.*

Sayyid Qutb (2010) menyatakan antara kebaikannya adalah:

- a. Peristiwa fitnah ini dapat mendedahkan satu kumpulan yang berkomplot merancangkan tipu muslihat yang jahat terhadap Islam dengan mencemarkan peribadi Rasulullah SAW. dan ahli rumahnya.
- b. Ia mendedahkan kepada masyarakat Muslimin betapa perlunya undang-undang mengharamkan jenayah qazaf dan menghukumkan orang-orang yang melakukan perbuatan itu dengan hukuman hudud yang diwajibkan Allah.
- c. Ia juga menjelaskan betapa besarnya yang akan mengancam masyarakat Muslimin jika orang-orang yang berada di dalam masyarakat itu bebas membuat tuduhan-tuduhan yang melulu terhadap wanita-wanita Muslimin yang *muhsan*, yang tidak berhati-hati menjaga dirinya. Ketika itu mereka akan membuat tuduhan-tuduhan tanpa mengenal batas, malah mereka akan tergamak menuduh tokoh-tokoh yang terhormat dan paling tinggi dalam masyarakat hingga menyebabkan masyarakat Muslimin hilang segala perlindungan dan hilang segala perasaan segan dan malu.
- d. Peristiwa itu dapat menunjukkan kepada masyarakat Muslimin dengan peristiwa itu satu peraturan yang betul untuk menghadapi jenayah yang besar itu.

Adapun al-Zuhayli (1998), beliau mengatakan bahawa yang dimaksudkan kebaikan (*khayr*) di sini bukanlah semuanya baik dan tidak ada keburukan langsung tapi kebaikan itu lebih banyak daripada mudharatnya. Hakikat kebaikan itu adalah manfaatnya lebih banyak daripada mudharatnya dan ujian yang menimpa orang yang baik-baik ini adalah baik untuk mereka yang mana mudharatnya hanyalah sedikit di dunia dan kebaikannya adalah banyak di akhirat nanti. Oleh kerana itu peristiwa al-ifk ini baik untuk Aisyah dan ahli keluarganya, Abu Bakar dan keluarga dan Safwan yang dituduh.

4.4.2 Meyakini Bahawa Masing-masing Mendapat Habuan dan Balasan

Firman Allah SWT dalam ayat 11 juga:

Maksudnya: *Tiap-tiap seorang di antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat)*

Orang yang memegang peranan utama dalam menyebarkan fitnah dan memegang teraju perancangannya dan mengambil bahagian yang terpenting di dalamnya ialah Abdullah ibn Ubay ibn Salul kepala kaum Munafiqin dan pembawa panji-panji tipu muslihat yang keji. (Sayyid Qutb 2010)

Ketika mengulas ayat di atas, Sayyid Qutb membawa riwayat yang menyebut kata-kata fitnah yang dilemparkan oleh Abdullah ibn Ubay

Dr Wahbah menyatakan mereka yang terlibat menyebarkan berita bohong akan berdepan dengan balasan di dunia dan akhirat apabila mereka berterusan mengerjakannya. Adapun yang bertaubat seperti Hassan, Mistah dan Hamnah maka Allah SWT mengampunkan mereka dan mereka juga telah disebat sebanyak 80 sebatan. Adapun Mawardi dan lain-lain mengatakan ulama berbeza pendapat tentang adakah Rasulullah SAW melaksanakan hudud terhadap sahabatnya? Sebahagiannya menyatakan bahawa Nabi SAW tidak laksanakan hudud tapi pandangan ini disanggah oleh Qurtubi yang mengatakan bahawa ianya bercanggah dengan ayat qazaf.

Nabi SAW laksanakan hudud ke atas Hassan, Mistah dan Hamnah walaupun ada juga yang mengatakan Abdullah ibn Ubay pun dikenakan namun kebanyakan riwayat mengatakan tidak terlaksana kerana Allah SWT telah menyediakan azab yang pedih pada hari Qiamat kelak.

Namun begitu Abdullah bin Ubai terselamat daripada hukuman sebat 80 kali. Walau bagaimanapun, bukan bermakna beliau akan terselamat di akhirat kelak. Adapun sahabat yang lain yang menyebarkan fitnah tersebut seperti Hassan bin Thabit, Hamnah, Mistah dan lain-lain mereka telah dikenakan hukuman sebat. (Zahazan 2017)

4.4.3 Hendaklah Berbaik Sangka dan Bertanya Hati Kecil

Firman Allah SWT dalam ayat 12 surah al-Nur:

Maksudnya: *Sepatutnya semasa kamu mendengar tuduhan itu, orang-orang yang beriman - lelaki dan perempuan, menaruh baik sangka kepada diri (orang-orang) mereka sendiri. dan berkata: "Ini ialah tuduhan dusta yang nyata"*

Al-Quran mengajak kaum muslimin menggunakan cara bertanya kepada hati kecil dalam menghadapi persoalan-persoalan yang besar, kerana cara bertanya kepada hati kecil sendiri atau merujuk kepada logic fitrah sendiri merupakan langkah utama sebelum menghukumkan peristiwa-peristiwa itu. (Sayyid Qutb 2010)

Cara inilah yang dilakukan oleh Abu Ayub Khalid ibn Zayd al-Ansari dan isterinya r.a. Abu Ayub al-Ansari telah bertanya kepada Ummu Ayub: “Apa pendapat engkau tentang kata-kata orang terhadap ‘Aisyah itu?’” Jawab Ummu Ayub: “Jika abang di tempat Safwan adakah abang menaruh fikiran yang buruk terhadap isteri Rasulullah SAW.?” Jawab Abu Ayub: “Tentu tidak!” Ujar Ummu Ayub: “Jika saya di tempat ‘Aisyah r.a. tentulah saya tidak akan menganiaya Rasulullah SAW., (yang jelas sekarang) ialah ‘Aisyah itu lebih baik dari saya dan Safwan itu lebih baik dari abang (jadi sudah tentu mereka tidak akan tergemark melakukan perbuatan itu)”. (Sayyid Qutb 2010, al-Zamakhshari 1998)

Walau bagaimanapun, Dr Wahbah hanya menghuraikannya tanpa membawa contoh. Beliau menyatakan bahawa menjadi kewajiban setiap muslim apabila mendengar seseorang menceritakan tentang keburukan orang lain yang tidak diketahuinya agar mengingkari dan tidak mudah mempercayainya.

4.4.4 Tohmahan Zina hanya terpakai dengan Pengakuan atau Empat Orang Saksi dan Menuduh Tanpa Bukti dikira Pembohong

Firman Allah SWT dalam ayat 13 surah al-Nur:

Maksudnya: *Sepatutnya mereka (yang menuduh) membawa empat orang saksi membuktikan tuduhan itu. Oleh kerana mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka mereka itu pada sisi hukum Allah, adalah orang-orang yang dusta.*

Sayyid Qutb menyatakan bahawa antara peraturan yang diwajibkan Al-Quran untuk menghadapi peristiwa-peristiwa seperti ini ialah mencari dalil dari luar atau mencari bukti dari alam kenyataan selepas langkah mencari dalil dari hati nurani sendiri,

Dr Wahbah menyatakan bahawa urusan dunia dihukum dan dinilai berdasarkan yang zahir sahaja. Adapun perkara yang rahsia semuanya diserahkan kepada Allah SWT sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Umar ibn al-Khattab.

4.4.5 Allah SWT Sentiasa Memberi Nikmat dan Rahmat Kepada Manusia

Firman Allah SWT dalam ayat 14 surah al-Nur:

Maksudnya: *Dan kalaolah tidak kerana adanya limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu di dunia dan di akhirat, tentulah kamu dikenakan azab seksa yang besar disebabkan kamu turut campur dalam berita palsu itu;*

Nikmat dan rahmat Allah SWT dalam berbagai bentuk seperti menangguhkan siksaan untuk memberi peluang untuk bertaubat dan memohon ampun. Manakala rahmat Allah SWT di akhirat pula dengan memberi keampunan. Ayat ini juga termasuk dalam katogori teguran kerana perkataan ﴿كُل﴾ memiliki makna tidak terjadinya sesuatu kerana adanya sesuatu yang lain. (Sayyid Qutb, 2010)

Dalam kisah qazaf ini Allah SWT mengulangi tentang rahmat dan nikmat ini sebanyak 2 kali kerana kalaolah tidak kerana nikmat Allah nescaya Allah akan timpakan azab di dunia dan akhirat. (al-Zuhayli, 1998)

4.4.6 Larangan Menyebarluaskan Berita Yang Tidak Pasti dan Menganggap Isu Ini Remeh

Firman Allah SWT dalam ayat 15 surah al-Nur:

Maksudnya: *Iaitu semasa kamu bertanya atau menceritakan berita dusta itu dengan lidah kamu, dan memperkatakan dengan mulut kamu akan sesuatu yang kamu tidak mempunyai pengetahuan yang sah mengenainya; dan kamu pula menyangkanya perkara kecil, pada hal ia pada sisi hukum Allah adalah perkara yang besar dosanya*

Dalam ayat ini, Allah SWT menempelak mereka yang mempersoalkan perkara tersebut apabila menerimanya, bercakap-cakap mengenainya dan menganggap perkara tersebut hanyalah perkara yang kecil. (Zahazan 2017)

Menurut al-Zuhayli (1998) Allah SWT menyifatkan mereka yang terjebak dalam penyebaran berita palsu telah melakukan 3 dosa iaitu bercakap dan menyebarluaskan berita-berita bohong dengan lidah-lidah mereka, berkata-kata sesuatu perkara yang mereka tidak ketahui dan memandang kecil perbuatan itu sedangkan ianya besar di sisi Allah SWT.

Sayyid Qutb menyatakan bahawa Al-Quran melukiskan gambaran zaman kehilangan teraju, kemungkinan pertimbangan, kecacuan nilai dan kehilangan prinsip-prinsip. Itulah gambaran sikap memandang kecil, sewenang-wenang dan kurang rasa segan dan silu malu, dan sikap menghadapi persoalan yang amat besar dan bahaya itu dengan sambil lewa tanpa memberi perhatian yang berat: berita fitnah itu dipindah dari satu lidah ke satu lidah tanpa difikirkan dengan teliti dan tanpa diusul periksa dan tanpa tilik pandang yang mendalam seolah-olah berita fitnah itu tidak melalui telinga, tidak difikirkan minda dan tidak diteliti hati.

4.4.7 Setiap Muslim Perlu Mengelakkan Diri Daripada Mengatakan Sesuatu Yang Boleh Mencemarkan Nama Baik Nabi SAW.

Firman Allah SWT dalam ayat 16 surah al-Nur:

Maksudnya: *Dan sepatutnya semasa kamu mendengarnya, kamu segera berkata: "Tidaklah layak bagi kami memperkatakan hal ini! Maha Suci Engkau (ya Allah dari mencemarkan nama baik ahli rumah Rasulullah)! Ini adalah satu dusta besar yang mengejutkan".*

Allah SWT menegur sikap mereka yang sebenarnya mampu untuk tidak menerima berita bohong atau memperkatakannya. (al-Zuhayli, 1998) Sepatutnya hati kaum muslimin semuanya menggil sebaik sahaja mendengar berita fitnah itu, dan sepatutnya merasa segan dan malu hendak menyebutnya. Mereka sepatutnya menolak berita fitnah itu untuk dijadikan *maudhu'* percakapan mereka. Mereka sepatutnya bertawajjuh kepada Allah SWT dan mentanzihkan-Nya dari membiarkan nabi-Nya menjadi mangsa berita fitnah dan dari dituduh dengan tuduhan dusta yang amat jauh dari suasana belieu yang suci dan mulia itu. (Sayyid Qutb 2010)

4.4.8 Orang yang Beriman Tidak Akan Mengulangi Kesilapan Yang Sama

Firman Allah SWT dalam ayat 17 surah al-Nur:

Maksudnya: *Allah memberi pengajaran kepada kamu, supaya kamu tidak mengulangi perbuatan yang sedemikian ini selama-lamanya, jika betul kamu orang-orang yang beriman. Dan Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan (hukum-hukumNya); kerana Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana*

Dr Wahbah menaqalkan apa yang ditulis oleh Ibn Kathir yang menyatakan bahawa ulama telah bersepakat mengatakan yang sesiapa yang menuduh Aisyah RA selepas itu adalah kafir kerana ianya seolah-olah mengingkari al-Quran.

Sayyid Qutb mengatakan bahawa kata-kata peringatan ini merupakan satu usul tarbiyah yang paling berkesan yang digunakan pada masa yang paling tepat untuk mendorong mereka mengambil pengajaran, mengandungi amaran supaya mereka jangan mengulangi perbuatan itu dan al-Quran menggantungkan keimanan mereka pada kesediaan mereka mengambil pengajaran dari peristiwa itu kerana orang-orang yang beriman tidak mungkin mengulangi perbuatan itu setelah didedahkan keburukannya dan diberi amaran.

4.4.9 Azab Yang Pedih Kepada Yang Membuat dan Menyebarluaskan Fitnah

Firman Allah SWT dalam ayat 19 surah al-Nur:

Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang suka terhebat tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian)*

Dr Wahbah menjelaskan bahawa orang yang suka menyebarluaskan cerita buruk yang melampau tentang orang yang beriman seperti Aisyah RA dan Safwan, maka mereka akan diazab di dunia dengan hukuman hudud dan siksaan api neraka pada hari Kiamat kelak. Sayyid Qutb juga menghuraikan perkara yang sama dan diakhiri dengan mengatakan ianya sebahagian dari cara tarbiyah dan itulah satu peraturan dari peraturan-peraturan mencegah kejahanan seks yang diatur berdasarkan pengalaman dengan selok-belok jiwa manusia dan berdasarkan pengetahuan mengenal cara perkembangan perasaan-perasaan manusia dan arah-arah tujuannya. Oleh sebab itulah ia iringi dengan kenyataan:

Tiada siapa yang mengetahui rahsia jiwa manusia melainkan hanya Allah yang telah menciptakan-Nya. Dan tiada siapa yang dapat mengendalikan manusia ini melainkan hanya Allah yang telah menjadikan-Nya. Dan tiada sesiapa yang mengetahui segala yang zahir dan segala yang batin dan tiada sesuatu pun yang tersembunyi dari ilmu Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya.

4.4.10 Larangan Mengikuti Jejak Langkah Syaitan

Firman Allah s.w.t dalam ayat 22 surah al-Nur:

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; dan sesiapa yang menurut jejak langkah Syaitan, maka sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menyuruh (pengikut-pengikutnya) melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar. Dan kalauolah tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu, nescaya tidak ada seorang pun di antara kamu menjadi bersih dari dosanya selama-lamanya; akan tetapi Allah membersihkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan (ingatlah Allah Maha Mendengar) lagi Maha Mengetahui*

Ketika mengulas ayat ini, Dr Wahbah mengatakan yang Allah SWT melarang golongan mukmin daripada mengikuti jejak langkah syaitan dan mazhab-mazhabnya dan melarang orang-orang mukmin daripada menyebarkan cerita-cerita palsu kerana syaitan akan sentiasa menyuruh hanya kepada kejahanatan dan kemungkaran. Walaupun disebut mukmin namun larangan ini ditujukan juga kepada semua mukallaf agar tidak menjadi seperti mereka yang terlibat dengan peristiwa al-Ifk.

Sayyid Qutb juga turut memaparkan satu gambaran yang amat buruk apabila syaitan mengorak langkah dan orang-orang mukmin mengikut jejak langkahnya, sedangkan mereka merupakan golongan manusia yang paling wajar menjauhkan diri dari jalan syaitan dan memilih satu jalan yang lain dari jalan syaitan yang terkutuk itu. Gambaran menjadi pak turut syaitan itu merupakan satu gambaran yang amat keji yang dijijik oleh tabi'at orang yang beriman dan ditakuti oleh perasaan dan khayalnya. Lukisan gambaran ini yang kemudian dibentangkan kepada orang-orang yang beriman itu dapat melahirkan di dalam hati mereka rasa waspada, hati-hati dan peka (terhadap tipu daya syaitan) dan cerita fitnah dusta itu merupakan salah satu contoh dari perbuatan mungkar yang telah menjerumuskan orang-orang yang beriman yang turut memperkatakannya.

4.4.11 Memaaafkan Orang Yang Memfitnah Apabila Mereka Bertaubat

Firman Allah s.w.t dalam ayat 23 surah al-Nur:

Maksudnya: *Dan janganlah orang-orang yang berharta serta lapang hidupnya dari kalangan kamu, bersumpah tidak mahu lagi memberi bantuan kepada kaum kerabat dan orang-orang miskin serta orang-orang yang berhijrah pada jalan Allah; dan (sebaliknya) hendaklah mereka memaaafkan serta melupakan kesalahan orang-orang itu; tidakkah kamu suka supaya Allah mengampunkan dosa kamu? Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.*

Dr Wahbah telah menaqalkan apa yang ditulis oleh Ibnu Kathir (2000) yang menyatakan bahawa ayat ini diturunkan dan ditujukan kepada Abu Bakar al-Siddiq ketika dia bersumpah untuk tidak memberi nafkah dan bantuan lagi buat selama-lamanya kepada Mistah bin Uthathah kerana Mistah salah seorang pelaku utama secara aktif dalam peristiwa *al-Ifk* ini. Namun setelah ayat ini turun, Saidina Abu Bakar r.a. terus memaaafkan Mistah dan berjanji untuk meneruskan bantuan kewangan tersebut. Sikap yang disuruh oleh Allah s.w.t adalah *الغفران* dan iaitu memberi kemaafan dan melupakannya. Uslub ini merupakan galakan agar memaaafkan kesalahan dan suatu janji yang mulia yang mengampun orang-orang yang bertaubat. Pada pandangan Dr Wahbah ayat ini menunjukkan bahawa perlunya seorang mukmin bersikap pemaaf, pengasih dan ayat ini menunjukkan ketinggian akhlak yang dimiliki oleh Abu Bakr RA yang merupakan orang yang paling afdhal selepas Nabi SAW. Ini dapat difahami melalui dua lafaz memuji iaitu *ulu al-fadhl* dan *al-si'ah*

Sayyid Qutb mengulas dengan panjang lebar tentang ayat ini. Beliau menyatakan bahawa ayat ini diturun untuk mengingatkan Abu Bakr r.a. dan sekalian kaum muslimin bahawa mereka pernah melakukan kesalahan-kesalahan kemudian mereka berharap kepada Allah supaya mengampunkan kesalahan mereka. Oleh sebab itu mereka juga harus bersikap maaf-memaaf terhadap satu sama lain sebagaimana mereka mengharapkan kemaafan dari Allah, dan janganlah mereka bersumpah untuk menahan bantuan kepada mereka yang memerlukannya apabila mereka melakukan kesalahan dan kesilapan.

Sayyid Qutb juga membuat kesimpulan ayat ini dengan mengatakan bahawa dari sini kita dapat melihat satu taraf jiwa yang tinggi dari jiwa-jiwa manusia yang bersih dan suci dengan nur hidayat Allah, iaitu taraf tinggi jiwa Abu Bakr RA yang telah merasa tersinggung dengan peristiwa fitnah hingga ke dasar hatinya dan telah menanggung penderitaan yang pahit kerana menerima tuduhan jahat terhadap rumah tangga dan maruahnya, tetapi sebaik sahaja dia mendengar seruan Allah supaya mengambil sikap memberi kemaafan dan sebaik sahaja hatinya disentuh pertanyaan Allah yang bertanya: maka dia terus menepikan segala penderitaan jiwanya yang pedih itu, menepikan segala perasaan kecil hatinya sebagai manusia dan logic masyarakatnya. Jiwanya menjadi halus dan bercahaya dengan nur hidayat Allah. Dia terus menyahuti seruan Allah itu dengan tenang dan jujur seraya berkata: “Ia, demi Allah, aku amat ingin Allah mengurniakan keampunan kepada aku”, lalu diapun menyambung semula bantuan sara hidup yang tetap kepada Mistah yang selama ini diberikan kepadanya. Dan dia bersumpah: “Demi Allah aku tidak menarik balik bantuan ini darinya buat selama-lamanya” sebagai ganti sumpahnya yang telah silam: “Demi Allah, aku tidak akan memberi apa-apa bantuan lagi kepadanya buat selama-lamanya”

Al-Qurtubi (2006) menerangkan dalam tafsirnya bahawa *al-'afw* adalah dengan tidak menghukum orang yang melakukan dosa. Adapun *al-safh* bermaksud menghilangkan kesan (rasa marah) daripada diri.

4.4.12 Jenayah Menuduh Wanita Mukmin antara Jenayah yang Besar

Firman Allah SWT dalam ayat 23 surah al-Nur:

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan yang terpelihara kehormatannya, yang tidak terlintas memikirkan sebarang kejahanatan, lagi yang beriman, akan dilaknat (oleh Allah) di dunia dan di akhirat dan, mereka pula akan beroleh azab seksa yang besar. Pada hari lidah mereka dan tangan mereka serta kaki mereka menjadi saksi terhadap diri mereka sendiri, tentang segala yang mereka lakukan. Pada hari itu Allah akan menyempurnakan untuk mereka balasan (azab seksa) yang berhak mereka mendapatnya, dan mereka pula akan mengetahui bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Adil, lagi nyata keadilanNya.

Sayyid Qutb dan Dr Wahbah menyatakan bahawa selepas penerangan daripada Allah SWT tentang peristiwa al-ifk, balasan bagi yang terlibat dan mendidik mereka maka Allah SWT telah menyebut secara jelas tentang bersihnya Aisyah RA daripada tuduhan zina. Allah SWT telah menegaskan bahawa sesiapa yang menuduhnya berzina maka mereka akan jauh daripada rahmat Allah SWT, mendapat kemurkaanNya dan azab yang pedih. Terdapat dua hadis yang disertakan oleh Dr Wahbah untuk menguatkan penegasan itu.

4.5 Penutup Yang Muktamad dan Tuntas

Firman Allah s.w.t dalam ayat 26 surah al-Nur. Maksudnya:

(Lazimnya) perempuan-perempuan yang jahat adalah untuk lelaki-lelaki yang jahat, dan lelaki-lelaki yang jahat untuk perempuan-perempuan yang jahat; dan (sebaliknya) perempuan-perempuan yang baik untuk lelaki-lelaki yang baik, dan lelaki-lelaki yang baik untuk perempuan-perempuan yang baik. Mereka (yang baik) itu adalah bersih dari (tuduhan buruk) yang dikatakan oleh orang-orang (yang jahat); mereka (yang baik) itu akan beroleh pengampunan (dari Allah) dan pengurniaan yang mulia

Secara umum ayat ini adalah penutup kepada bab hukum hakam yang berkaitan dengan melempar fitnah kepada wanita yang baik dan suci. Isu yang menimpa rumah tangga dan sahabat Rasulullah s.a.w. ditutup dengan ucapan yang tuntas bahawa sekalian orang yang difitnah itu adalah bersih belaka dari segala tuduhan dan mereka tidak bersalah sama sekali. Manakala si penuduh diberi ampun oleh Allah s.w.t. atas dosa mereka setelah menjalani hukuman yang sewajarnya. Orang-orang yang dituduh dikurniakan rezeki yang melimpah ruah dari Allah s.w.t. (Nafisah Tahir 2016)

5.0 KESIMPULAN

Setelah kajian dilakukan terhadap dua buah kitab tafsir *Fi Zilal al-Qur'an* dan *al-Tafsir al-Munir*, terdapat banyak perbezaan antara keduanya dan sedikit sahaja persamaannya. Namun, jika digabungkan, ianya akan menjadi kesimpulan dan pengajaran yang mantap dan mengubati penyakit-penyakit atau masalah-masalah dalam masyarakat. Penulisan ini penting kerana ia mengupas tentang bagaimana al-Quran menangani suasana fitnah yang melanda isteri Rasulullah SAW Aisyah r.a. Justeru, dengan memahami pengajaran daripada peristiwa al-Ifk, diharapkan usaha mengekang masalah dalam masyarakat dapat ditangani oleh semua pihak.

Rujukan

- Ibn Kathir, Imad al-Din, (2010) *Tafsir al-Qur'an al-Azim*, Kaherah, Muassasah Qurtubah
- Mahyudin Daud, Ahmad Najib Abdullah (2015), *Sumbangan Wahbah al-Zuhayli dalam Ilmu Tafsir al-Quran: Tinjauan Terhadap Karya al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*, Jurnal Usuluddin 42 (Julai-Disember 2015)
- Muhammad Rumaizuddin Ghazali, *Tokoh Islam Kontemporari* (Selangor: Tradisi Ilmu Sdn. Bhd, 2005), 227.
- Ahmad Mustafa al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*, (2001) Terj. Muhammad Thalib, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Nafisah Tahir, Kamal Ashaari, *Ajarkan Wanitamu Surah al-Nur*, 2016, Pustaka Zhilal, Kuala Lumpur
- Ole R. Holsti (1969) *Content Analysis for the Sosial Sciences and Humanities*. California: Addison-Wesley Publishing Company
- Robert Philip Weber (1990), *Basic Content Analysis*. London : Sage Publications
- Sayyid Qutb (2000), *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an* "Di Bawah Bayangan al-Qur'an", (Terj) Yusoff Zaky Yacob, Kota Bharu: Pustaka Aman Press
- Sayyid Qutb, (2010) *Tafsir Fi Zilalil Qur'an, Di Bawah Bayangan al-Quran*, Terj Dato' Yusoff Zaky Haji Yacob, Pustaka Darul Iman Sdn, Bhd. Cet 1
- Zulkifli Haji Mohd Yusoff, (2003) *Tafsir al-Mawdui: Kajian Pensejarahan*, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Uni. Malaya,
- Al-Zuhayli, Prof Dr. Wahbah, 1998, *al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syariat wa al-Manhaj*, Dar al-Fikr, Damsyik.
- www.lidwa.com
- Utusan Online, 2 Mac 2017